

MEMORANDUM PELAKSANAAN MINIT MESYUARAT
MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN MS ISO 9001:2015 BAGI SKOP PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH SEPENUH
MASA DAN SISTEM PENGURUSAN HARTA BENDA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BIL 2/2018

Bil	Perkara	Tindakan	Status
1.	MINIT 1/2/2018 : ALUAN Pengerusi Pengerusi memulakan mesyuarat dengan; a) ucapan tahniah Pengerusi kepada pihak BPQ atas usaha memastikan Sistem Pengurusan Kualiti dilaksanakan sebaiknya, memberi peringatan agar BPQ membantu mendapatkan maklumbalas sejauh mana aspirasi Pengurusan sampai kepada seluruh warga UMS. b) memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa pada tahun hadapan skop ini akan diperluaskan mengikut fungsi utama Universiti iaitu skop Pengurusan Pengajaran & Pembelajaran (pra siswazah dan pascasiswazah), Penyelidikan, Penerbitan, khidmat masyarakat, pengantarabangsaan dan Semua Pengurusan Perkhidmatan Sokongan. c) memaklumkan mesyuarat kali ini hanya fokus kepada skop sedia ada iaitu Program Pengajian Prasiswazah Sepenuh Masa Dan Sistem Pengurusan Harta Benda. d) menyarankan kepada Bahagian Pengurusan Kualiti untuk lebih menonjolkan kepentingan Sistem Pengurusan Kualiti di UMS di setiap JFPIUB. Pihak BPQ juga perlu membantu pengurusan utama UMS untuk sejauh mana JFPIUB menghayati sembilan (9) KRA UMS yang telah disediakan. e) memaklumkan beberapa perubahan telah dibuat oleh pihak BPQ seperti perkhidmatan kaunter melalui penggunaan kod QR sebagai platform untuk pelanggan memberi maklumbalas perkhidmatan di setiap kaunter di UMS.	Urus setia	Pihak BPQ telah merancang aktiviti untuk dilaksanakan seperti berikut; i. Bengkel Jawatankuasa Teknikal MS ISO ii. Klinik Team Excellence iii. Bengkel Pengurusan Risiko iv. Taklimat Pelaksanaan MS ISO v. Kursus-kursus berkaitan MS ISO 9001:2015 vi. Sambutan Kreanova sepanjang tahun 2019. vii. Infografik awareness berkenaan dengan SPK sepanjang tahun. Pihak BPQ juga telah mengadakan hubungan baik dengan setiap JFPIB melalui pelantikan wakil BPQ dan PKP setiap JFPIB untuk memastikan kepentingan SPK sentiasa diamalkan dan dibudayakan di

Bil	Perkara	Tindakan	Status												
	f) memaklumkan agar setiap warga UMS perlu sentiasa dalam keadaan bersedia untuk sebarang aktiviti atau lawatan yang diterima dari luar.		setiap JFPiB.												
2.	MINIT 2/2/2018 : PENGESAHAN MINIT MESYUARAT Mesyuarat Bil. 1/2018 disahkan dengan pindaan pada Minit 4/1/2018 (I) tempoh masa tiga (3) dipinda kepada tujuh (7) hari.	Urus setia	Minit mesyurat telah dibuat pindaan.												
3.	3.1 Minit 4/1/2018 Laporan Urusetia. Mesyuarat bersetuju: a) agar urus setia membuat perbandingan amalan baik universiti awam berkaitan tempoh tindakan berkaitan perkhidmatan dalam penyataan pada piagam pelanggan.	Urus setia	Perbandingan amalan baik universiti awam berkaitan tempoh tindakan maklumbalas pelanggan bagi sembilan (9) universiti seperti berikut; <table><tr><td>2 hari</td><td>1 UA</td><td>UPM</td></tr><tr><td>3 hari</td><td>2 UA</td><td>Unimas, UTeM</td></tr><tr><td>5 hari</td><td>4 UA</td><td>UMP, UKM, UMK, UMT</td></tr><tr><td>7 hari</td><td>2 UA</td><td>Unimap ,Unisza</td></tr></table> Analisis tempoh penyelesaian maklumbalas pelanggan yang dilaksanakan oleh pihak UMS akan dibentangkan dalam laporan kertas dasar.	2 hari	1 UA	UPM	3 hari	2 UA	Unimas, UTeM	5 hari	4 UA	UMP, UKM, UMK, UMT	7 hari	2 UA	Unimap ,Unisza
2 hari	1 UA	UPM													
3 hari	2 UA	Unimas, UTeM													
5 hari	4 UA	UMP, UKM, UMK, UMT													
7 hari	2 UA	Unimap ,Unisza													

Bil	Perkara	Tindakan	Status
4.	3.2 Minit 5/1/2018 Laporan Status Pelaksanaan Jaminan Kualiti Akademik bagi Program Pengajian Prasiswazah sepenuh masa di UMS. Mesyuarat: a) bersetuju agar pihak PKPKA menyediakan laporan senarai status program akademik terkini untuk makluman kepada pengurusan UMS. b) bersetuju agar Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) [TNC (A & A)] membentuk pasukan bagi memikirkan strategi yang khusus dalam menangani pencapaian <i>Graduate Employability</i> (GE) dengan cadangan membangunkan satu (1) indeks untuk tujuan pemantauan berkaitan populariti program akademik, kos bagi setiap program dan <i>Graduate Employability</i> (GE) bagi setiap program akademik. Perkara ini perlu dijadikan KPI bagi setiap Dekan. Kesemua laporan ini juga perlu disediakan dalam bentuk infografik dan dipamerkan kepada pihak pengurusan UMS.	PKPKA TNC (A&A)	Laporan status program akademik terkini telah disediakan dan dikemukakan untuk dilaporkan pada mesyuarat MKSP akan datang. Sistem SMBU melibatkan KRA 1 (Pengajaran & Pembelajaran) sedang dibangunkan antaranya adalah untuk mengukur <i>Full Time Student Equivalent</i> (FTSE). Buat masa ini, setiap jabatan terlibat sedang membangunkan rangka FTSE iaitu PKPKA, Bendahari, PPDM dan Prof. Madya Dr. Abdullah Bade sendiri. Bengkel FTSE akan diadakan pada 5 April 2019 manakala pada 25-26 Julai akan diadakan Bengkel Penyelarasan Beban Kerja dan FTSE. FTSE adalah merupakan salah satu inisiatif meningkatkan kadar GE.

Bil	Perkara	Tindakan	Status
	c) bersetuju agar pihak BSM membuat penyelarasan pelaksanaan nota serah tugas dikalangan kakitangan akademik yang memegang jawatan pentadbiran contohnya Ketua Jabatan dan Ketua Program bagi memastikan terdapat kesinambungan sekiranya berlaku pertukaran Ketua Jabatan dan Ketua Program contohnya berkaitan semakan program.	BSM	Perbincangan BSM dan Pejabat Canselori bersetuju Borang Nota Serah Tugas dikepikan bersama surat penamatan pelantikan pentadbiran yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Canselori. Format Borang Nota Serah Tugas telah diemelkan kepada pihak Pejabat Canselori pada 15 November 2018.
5.	MINIT 4/2/2018 - KERTAS DASAR 1 : LAPORAN PERUBAHAN DAN KAWALAN ISU-ISU LUARAN DAN DALAMAN UMS Mesyuarat bersetuju; a) agar isu keselamatan dilihat, dikawal atau dipantau sebagai satu isu penting dalam KRA yang berkaitan dengan pelancongan memandangkan UMS sentiasa didatangi oleh pelancong dalam dan luar negara.	Jabatan Pendaftar	Jabatan Pendaftar, peneraju UMS KRA 4 – Memperkukuh tadbir urus kepimpinan dan sistem penyampaian menetapkan untuk mewujudkan kampus terkawal dan selamat (UMS KRA 4, SO2, KPI4) Antara langkah keselamatan diambil Bahagian Keselamatan untuk memantau dan mengawal isu berkaitan pelancong ialah: 1. Kawalan di Pintu Utama i. Semua pelancong yang

Bil	Perkara	Tindakan	Status
			datang akan ditahan di Pintu Utama dan diarahkan berdaftar dengan EVIC. Kenderaan GrabCar juga perlu berdaftar dan membuat kad di Bahagian Keselamatan untuk kawalan masuk dan keluar pemandu Grabcar dan penumpang termasuk pelancong. ii. Kerjasama dengan EVIC juga diadakan bagi memastikan para pelancong diberi taklimat awal sebelum memasuki kawasan kampus. 2. Kawalan di lokasi-lokasi tumpuan pelancong ditingkatkan bagi memantau dan mengawal pergerakan pelancong. Antaranya seperti di lokasi berikut: i. Tangga Pinakol & Bulatan Menara Jam UMS dipantau anggota Pos Kawalan Alpha 8.

Bil	Perkara	Tindakan	Status
	b) agar peneraju KRA 5 juga melihat isu berkenaan kelestarian penjanaan melalui pelancongan yang boleh dilaksanakan di UMS. c) agar penyelarasan akan dibuat semasa bengkel untuk menambahbaik isu-isu luaran dan dalaman tersebut. d) agar fungsi perpustakaan boleh dimasukkan ke dalam mana-mana KRA yang sedia ada mengikut kesesuaian fungsi jabatan berkenaan.	Jabatan Bendahari Urus setia	Kawasan Masjid dipantau anggota Pos Kawalan Alpha 11. Pada 8 Januari 2019, Bengkel ERM bagi KRA 5 telah diadakan yang melibatkan JFPIB yang berpotensi untuk melaksanakan aktiviti/ tempat pelancongan di universiti. Perkara ini telah termasuk dalam KPI Kra 5 dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat LPU pada 17 Januari 2019. Isu-isu dalaman dan luaran telah dikemukakan oleh setiap peneraju KRA dan digunapakai oleh setiap KRA. Penilaian akan dibuat oleh setiap KRA dan dibentangkan semasa mesyuarat. Fungsi dan KPI perpustakaan telah dimasukkan di dalam KRA 9

Bil	Perkara	Tindakan	Status
6.	MINIT 7/2/2018 - KERTAS DASAR 4 : LAPORAN ANALISIS OBJEKTIF KUALITI Mesyuarat bersetuju; a) kesilapan sasaran pada objektif kualiti UMS yang pertama iaitu 4% dan PNGK 3.67 perlu dibetulkan dengan segera. b) Penilaian program perlu diselaraskan dengan memberi penekanan berkaitan hubungan dengan industri c) Pusat Kerjaya dan Pusat Jaringan Industri dan Komuniti bersama fakulti menyelaraskan inisiatif untuk membantu meningkatkan pencapaian <i>Graduate Employability</i> (GE) pada masa akan datang melalui cadangan berikut; i. pelajar-pelajar UMS perlu diberikan latihan yang bersesuaian agar mampu berdaya saing dan berani menerokai peluang pekerjaan di luar negara ii. graduan UMS diambil bekerja pada masa akan datang untuk bangunan-bangunan sedang dibina di UMS seperti di Galeri Tun Hashim atau Hospital Pengajar atau Hotel Pengajar UMS. iii. pelajar didedahkan kepada industri dengan lebih kerap bukan hanya melalui latihan industri sahaja ini mengambil contoh IPTA yang lain. iv. pihak fakulti melantik lebih ramai pensyarah undangan daripada industri untuk memberi semangat dan pendedahan kepada pelajar UMS.	Urus setia PKPKA Pusat Kerjaya/ Pusat Jaringan Industri dan Komuniti	Poster objektif kualiti telah ditambahbaik dan diedarkan kepada semua JFPiB pada 3 Disember 2018. Mesyuarat penyelarasan akan dibuat bersama pihak TDA fakulti bersama CIGN dan Pusat Kerjaya dan Alumni pada April 2019 ini. Pusat Kerjaya dan Alumni telah melaksanakan pelbagai program intervensi dalam usaha meningkatkan pencapaian GE berterusan sejak penubuhan PTJ ini pada Julai 2018. Pada tahun 2019, beberapa program telah disusun dan disasarkan dengan melibatkan PSGE UMS 2018-2020 dan KPI Pusat Kerjaya melalui teras intervensi utama melibatkan latihan, keusahawanan, kerjasama industri dan kebolehpasaran graduan. Program ini juga melibatkan

Bil	Perkara	Tindakan	Status
	v. setiap fakulti perlu mempergiatkan penganjuran latihan-latihan sepanjang pengajian yang melibatkan selebriti yang berjaya dan pemimpin-pemimpin muda kerana latihan sebegini akan lebih dekat dengan pelajar dan memberi pendedahan sebenar kepada pelajar UMS tentang dunia pekerjaan.		penglibatan terus pihak pemegang taruh, industri dan penyedia peluang kerjaya. (Rujuk Lampiran Program).
7.	MINIT 8/2/2018 - KERTAS DASAR 5 : LAPORAN STATUS PELAKSANAAN JAMINAN KUALITI AKADEMIK PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH SEPENUH MASA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH Mesyuarat bersetuju: a) laporan yang lebih terperinci bagi semakan program yang masih dalam tempoh semakan atau telah melebihi tempoh semakan perlu sentiasa dipantau dan laporan disediakan pada laporan akan datang.	PKPKA	Pihak PKPKA telah menyediakan laporan dan akan dibentangkan pada mesyuarat yang akan datang.
8.	MINIT 10/2/2018 - KERTAS DASAR 7 : LAPORAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN UMS BAGI TEMPOH JANUARI- JUN 2018 Mesyuarat bersetuju: a) agar pihak Jabatan Pendaftar dapat mengambil tindakan segera ke atas ketidakpuasan hati pelanggan terhadap sistem operator UMS.	Jabatan Pendaftar	Tindakan yang telah dilaksanakan: 1. Setiap JFPIB telah dimohon menamakan dua orang kakitangan berserta nombor sambungan tetap untuk menerima panggilan telefon yang disambungkan oleh operator telefon UMS

Bil	Perkara	Tindakan	Status
			bagi mengurangkan masalah panggilan masuk tidak dilayan sekiranya talian yang disambungkan kepada kakitangan tertentu tidak dijawab atas sebab-sebab tertentu. [menerusi surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar kepada semua JFPIU bertarikh 21 Disember 2017]. 2. Kakitangan BPG telah dilibatkan untuk bertugas sebagai operator telefon berkuatkuasa 31 Januari 2018 untuk mengurangkan kebergantungan kepada seorang sahaja kakitangan yang bertugas sebagai operator telefon pada masa ini. 3. Memberi latihan kepada kakitangan di JFPIB yang ditugaskan sebagai penyambut telefon di JFPIU masing-masing pada 16 Mac 2018. 4. Menggunakan sistem telekomunikasi berasaskan teknologi <i>Unified Communication (UC)</i> iaitu gabungan perkhidmatan

Bil	Perkara	Tindakan	Status
	b) agar perkhidmatan di kaunter dipertingkatkan dan laman web UMS dikemaskini dari masa kesemasa.	Urus setia/PPSKK	komunikasi seperti <i>instant messaging (chat)</i>, <i>unified messaging</i> (faks, <i>voice mail</i>), <i>voice over internet protocol</i> (VoIP), audio, <i>video conferencing</i>, perkongsian data dan <i>desktop sharing</i>. [sedang dalam proses tender. Rujuk tender UMS BEN 2/2019]. BPQ Pihak BPQ akan mengadakan aktiviti berikut bagi menambahbaik perkhidmatan kaunter seperti berikut; 1) lawatan inspektorat ke JFPIB bermula pada bulan Mei 2019 untuk melihat pelaksanaan tadbir urus terbaik termasuk perkhidmatan kaunter di setiap pejabat JFPIB. 2) Kursus Pengurusan Pelanggan yang dijangka diadakan pada bulan Julai 2019. PPSKK PPSKK bertanggungjawab untuk memuat naik dan mengemas kini dari masa ke

Bil	Perkara	Tindakan	Status
			semasa perkara -perkara seperti dibawah berikut; a) Sepanduk web b) Berita c) Hebahan d) Acara e) Tentang UMS
9.	MINIT 11/2/2018 – KERTAS DASAR 8 : LAPORAN PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL Mesyuarat bersetuju: a) prestasi pembekal yang mempunyai markah penilaian di bawah 50% akan diberikan surat peringatan. b) pihak JPP dan JTMK menyediakan kursus secara berkala yang bersesuaian kepada pihak kontraktor untuk membantu meningkatkan mutu perkhidmatan kontraktor tersebut.	Jabatan Bendahari JPP & JTMK	Merujuk kepada Proses Kerja Penilaian Prestasi pembekal di Dalam Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti UMS/PU/18 dan UMS/PU/19 Pembekal yang mendapat markah di bawah 50% akan diberikan surat peringatan. JTMK Pihak JTMK telah melaksanakan beberapa kursus kepada pihak kontraktor. [Rujuk Lampiran untuk senarai kursus yang telah diadakan] JPP Pihak JPP tiada menganjurkan sebarang kursus khas kepada

Bil	Perkara	Tindakan	Status
	c) penilaian prestasi pembekal bagi perolehan RM20,000 dan kebawah di JFPIUB perlu dilaksanakan.	Jabatan Bendahari	kontraktor bagi meningkatkan kualiti pembekal/ kontraktor. Walaubagaimanapun pihak JPP mengadakan Mesyuarat SLA setiap bulan untuk mengukur kualiti perkhidmatan kontraktor. Kontraktor juga dipantau sama ada mematuhi syarat keperluan kontrak atau sebaliknya. Dalam Mesyuarat SLA prestasi kontraktor dilihat melalui sistem TAMS (<i>respon time/</i> tempoh kerja siap). Surat teguran akan diberikan kepada kontraktor yang Lewat menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan dan dendaan akan dikenakan Sektor Pengurusan Perolehan telah mengemaskini Prosedur UMS/PU/18 dan UMS/PU/19 bagi penilaian prestasi di bawah RM20,000 pada Februari 2019. Penilaian Prestasi pembekal di bawah RM20,000 di dalam sistem i-perolehan dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada 01 April 2019.

Bil	Perkara	Tindakan	Status
10.	MINIT 14/2/2018 – KERTAS DASAR 11 : LAPORAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN UMS Mesyuarat bersetuju: a) penambahbaikan berkaitan urus setia akan dilaksanakan oleh pihak BPQ seperti yang ditetapkan.	Urus setia	Penambahbaikan perubahan skop MS ISO 9001:2015 akan mula dilaksanakan pada tahun 2019. Perbincangan dengan jabatan yang berkenaan telah diadakan pada 11 Mac 2019. Pihak Urus setia sedang mengemaskini prosedur dan senarai dokumen rujukan yang terkini untuk dihebahkan kepada semua kakitangan.